



MASALAH SELESAI: Kelodak pasir yang memenuhi kolam seluas kira-kira lapan hektar di Kampung Bukit Senggeh, Selandar di sini kini kering dan selamat selepas pihak pemaju terbabit membersihkannya baru-baru ini.

Masalah lumpur selesai

SELANDAR: Lebih lapan keluarga yang terdedah kepada ancaman banjir lumpur di Solok Ayer Keroh, Kampung Bukit Senggeh, di sini kini menarik nafas lega berikutan penyediaan saluran air baru oleh syarikat yang diberikan konsesi mengorek pasir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Asahan, Datuk R Raghavan, berkata kolam yang dipenuhi kelodak pasir pekat seakan-akan lumpur itu kini sudah kering selepas pihak berkenaan melakukan kerja pembersihan baru-baru ini.

Katanya, kolam seluas kira-kira lapan

hektar itu kini didapati selamat dan penduduk tidak perlu bimbang mengenai ancaman banjir lumpur yang menghan-tui mereka sejak syarikat terbabit memu-lakan operasi tujuh tahun lalu.

"Syarikat turut menanam rumput pada tebing kolam bagi mengelakkan tanah runtuh yang mungkin boleh menyebab-kan masalah di kawasan penempatan penduduk.

"Langkah syarikat berkenaan mengam-bil tindakan segera membina saluran laluan air amat dihargai," katanya.

Raghavan berkata, pemaju juga ber-

setuju menghentikan operasi lori ber-mula jam 7 pagi hingga 8.30 pagi dan 1 tengah hari hingga jam 2.30 petang.

Beliau berkata, ia sebagai langkah kes-elamatan berikutan tempoh berkenaan adalah waktu puncak murid melalui kawasan berkenaan selepas sesi perse-kolahan.

Sebelum ini, ibu bapa mengadu bim-bang keselamatan kanak-kanak apabila lori membawa pasir menggunakan tem-pat itu sebagai laluan.

Oleh Mohamad Yatim Latip